

11 MAR 2000

Umno-Rangkuman

MAHATHIR, ABDULLAH DAHULUI PENCALONAN, RAFIDAH LAYAK BERTANDING

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mendapat empat lagi pencalonan masing-masing untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian-bahagian yang mencalonkan mereka ialah Jeli, Kuala Krai dan Peringat di Kelantan serta Padang Terap di Kedah.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mendahului calon-calon lain dengan 21 pencalonan daripada keempat-empat bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini.

Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mendapat pencalonannya yang pertama untuk jawatan naib presiden.

Bahagian Padang Terap yang mencalonkan Muhyiddin, turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib sebagai calon Naib Presiden.

Setakat pukul 11.30 malam ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz pula hari ini melayakkan diri bertanding bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita apabila mendapat 33 pencalonan, jumlah tempat bagi kelayakan itu.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno memperolehi 20 pencalonan setakat ini.

Sementara itu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil mendapat 31 pencalonan setakat ini, Ainon Khairiyah Mohd Abas (16) dan Datuk Napsiah Omar enam pencalonan.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein, yang sebelum ini merupakan calon tunggal untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno mendapat pencabar pertama hari ini iaitu Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanjung Raja Munir Raja Mustapa yang mendapat satu pencalonan dari bahagiannya sendiri.

Bagi jawatan naib ketua Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Abdul Kadir mendapat 45 pencalonan, Zein Isma Ismail (8), Mustapa Khalid (1) dan Zahidi Zainul Abidin (1).

Berikut senarai pencalonan bagi pemilihan Majlis Tertinggi Umno, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita Umno:

PENCALONAN JAWATAN TERTINGGI UMNO

Jumlah bahagian 165

Jumlah Pencalonan pada 10 Mac

Presiden:

- | | |
|-----------------------------------|------|
| 1. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad | - 21 |
| 2. Tengku Razaleigh Hamzah | - 1 |

Timbalan Presiden:

- | | |
|-------------------------------|------|
| 1. Datuk Seri Abdullah Badawi | - 21 |
| 2. Tengku Razaleigh Hamzah | - 1 |

Naib Presiden:

- | | |
|-------------------------------|------|
| 1. Datuk Seri Najib Tun Razak | - 21 |
| 2. Datuk Abdul Ghani Othman | - 14 |

3	Datuk Osu Sukam	-	7
4.	Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad	-	4
5.	Datuk Seri Abu Hassan Omar	-	6
6.	Datuk Seri Syed Hamid Albar	-	5
7.	Datuk Dr Rais Yatim	-	2
8.	Tengku Razaleigh Hamzah	-	2
9.	Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib	-	3
10.	Tan Sri Muhyiddin Yassin	-	1

Ketua Pemuda:

	Datuk Hishammuddin Hussein	-	54
	Raja Munir Raja Mustapha (Bahagian Tanjung)	-	1

Naib Ketua Pemuda:

	Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir	-	45
	Zein Isma Ismail	-	8
	Mustapha Khalid	-	1
	Zahidi Zainul Abidin	-	1

Ketua Wanita:

	Datuk Seri Rafidah Aziz	-	33
	Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman	-	20

Naib Ketua Wanita:

1.	Datuk Shahrizat Abdul Jalil	-	31
2.	Ainon Khariyah Mohd Abas	-	16
3.	Datuk Napsiah Omar	-	6

-- BERNAMA
AFY FAZ